

1981

49

BANGKOK, 23 OGOS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI BERKATA MALAM INI BERBAGAI-BAGAI PROJEK BERSAMA YANG DIJAYAKAN OLEH MALAYSIA DAN THAILAND SEKARANG ADALAH ATAS KESEDARAN BAHAWA KEPENTINGAN KEDUA-DUA NEGARA ADALAH SENTIASA DIHORMATI DAN DILINDUNGI.

JUGA TERDAPAT KESEDARAN BAHAWA APA JUA MASALAH YANG MUNGKIN TIMBUL DAPAT DIATASI MENERUSI RUNDINGAN SECARA AMAN, KATANYA DI MAJLIS JAMUAN MAKAN MALAM DI RUMAH KERAJAAN OLEH PERDANA MENTERI THAI JEN. PREM TINSULANOND.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD YANG TIBA DI SINI HARI INI UNTUK MELAKUKAN LAWATAN RASMI DUA HARI BERKATA ADALAH MENJADI HASRATNYA UNTUK MENGEKALKAN HUBUNGAN BAIK ANTARA KEDUA-DUA NEGARA DAN UNTUK BEKERJA KE ARAH MENGUKUHKANNYA LAGI.

HUBUNGAN INI TELAH DIPERKUKUHKAN LAGI DENGAN KERJASAMA MELALUI ASEAN YANG TELAH MEMBUKTIKAN KEMAMPUANNYA SEBAGAI SEBUAH KUMPULAN SERANTAU DALAM MENYUMBANGKAN KEPADA KEMAKMURAN, KEAMANAN DAN KESTABILAN RANTAU INI.

KEADAAN DI KAMPUCHEA TERUS MENJADI SATU MASALAH KEPADA NEGARA-NEGARA DI RANTAU INI DAN MALAYSIA AKAN SEDAYA UPAYA BERUSAHA MEMBANTU JAWATANKUASA SEMENTARA MENGENAI MASALAH KAMPUCHEA.

— BERSAMBUNG 2245/ZCM

B598:

MAHATHIR-JAMUAN 2 BANGKOK

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERHARAP SEMUA PIHAK YANG TERLIBAT AKAN MENGAMBIL SIKAP YANG POSITIF SUPAYA KEAMANAN DAPAT DIKEBAL IKAN DI KAMPUCHEA DAN DI HANTAU INI.

BELIAU JUGA MELAH IRKAN HARAPAN UNTUK MENGADAKAN LEBIH BANYAK PERTEMUAN DENGAN JEN. PREM DAN MENAMBAH BAHAWA PARA MENTERI SERTA PEGAWAI MALAYSIA AKAN DIGALAKKAN BERTEMU DAN BERBINCANG DENGAN RAKAN SEJAWAT MEREKA DI THAILAND.

TERDAHULU, JEN. PREM BERKATA LAWATAN ITU MENCERMINKAN WUJUDNYA PERSAHABATAN YANG TELAH BERAKAR UMBI ANTARA KEDUA-DUA NEGARA DAN KEPERCAYAAN KEPADA SETIAKAWAN ASEAN YANG TELAH KUKUH ITU.

BELIAU MENAMBAH KEDUA-DUA NEGARA AKAN TERUS MENJADI SAHABAT DAN JIRAN YANG BAIK. HUBUNGAN YANG ERAT ITU ADALAH KERANA RAKYAT DAN PARA PEMIMPIN KEDUA-DUA NEGARA MEMPUNYA I CARA KEHIDUPAN DAN PANDANGAN POLITIK YANG SAMA.

ADALAH AMAT PENTING KEDUA-DUA NEGARA MENGEKAL DAN MENGUKUHKAN KERJASAMA YANG SEDIA WUJUD UNTUK MENYELARASKAN DASAR-DASAR MENGENAI KEPENTINGAN BERSAMA. -- BERSAMBUNG 2255/ZCM

B599

MAHATHIR-JAMUAN 3 BANGKOK

THAILAND ADALAH SENTIASA MENHARGAI DAN BERTERIMAKASIH ATAS SOKONGAN MALAYSIA KEPADA THAILAND SEBAGAI NEGARA MEDAN HADAPAN, TAMBAH JEN. PREM.

KATANYA ADALAH JUGA MENJADI KEPENTINGAN THAILAND SUPAYA EKONOMI MALAYSIA TERUS BERKEMBANG KERANA IA MENJADI SATU FAKTOR KESTABILAN DALAM USAHA-USAHA MENGEKALKAN KEAMANAN DAN KESTABILAN DI RANTAU INI.

+ADALAH MENJADI KEPERCAYAAN IKHLAS SAYA BAHAWA HUBUNGAN ERAT ANTARA MALAYSIA DAN THAILAND AKAN MEMBAWA KEMAKMURAN DAN KESEJAHTERAAN BAGI KEDUA-DUA NEGARA DAN RAKYATNYA, + KATANYA LAGI.

—BERNAMA 2256/HM